



**TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT  
PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA  
(DR.) HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG  
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**MAJLIS MUZAKARAH  
BERSAMA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2018**

**HARI:  
PADA HARI RABU,  
07 JAMADILAWAL 1439 BERSAMAAN 24 JANUARI 2018**

**JAM: 9:00 PAGI**

**TEMPAT:  
BILIK MESYUARAT ARAS 4,  
BANGUNAN BARU JABATAN DAERAH BRUNEI DAN  
MUARA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

*A*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Ahli – Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Setiausaha Tetap

Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap – Timbalan Setiausaha Tetap

Yang Mulia Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai – Pegawai Kanan  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dihormati sekalian

1. Kita bersyukur Kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Muzakarah dengan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua dengan doa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan taufiq dan

hidayah Nya dan memberkati semua usaha dan rancangan yang telah dan yang akan dilaksanakan.

2. Pada pagi ini, InshaALLAH muzakarah ini akan membincangkan isu-isu semasa dan strategik. Kita juga akan menggunakan sesi ini untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan mengenai perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama. Peramba / Kaola / Saya juga mengalu-alukan pandangan yang membina daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai rancangan Kementerian ini dalam sama-sama mendokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan disamping memelihara kesejahteraan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.
  
3. Kita menjunjung tinggi saranan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena menyambut awal tahun masehi 2018:-
  - a. Untuk mempertahankan keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini supaya negara terus kekal dalam aman dan makmur.

- b. Untuk meningkatkan usaha bagi mencapai “Brunei Maju” yang memerlukan kerjasama erat pihak Kerajaan, Sewasta dan rakyat.
  - c. Untuk menjadikan iklim perniagaan dan perusahawan bertambah mudah dan menjadikan negara lebih menarik di mata pelabur asing.
- 4. Sehubungan ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa berusaha dengan agensi dan semua pihak dalam usaha untuk memelihara dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman, bekerjasama dengan agensi-agensi dalam meneliti peraturan-peraturan yang berkaitan bagi menjadikan iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah demi menjadikan Negara Brunei Darussalam lebih menarik kepada pelabur-pelabur.
- 5. Ahli – Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa mengambil berat akan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai agar ianya sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan mesra pelanggan, sentiasa cekap dan memenuhi matlamat perkhidmatan berkenaan. Dari itu, Alhamdulillah beberapa program akan dijalankan pada tahun kewangan 2018 / 2019 bagi membantu meningkatkan keselamatan, kesejahteraan, sosio ekonomi dan peraduan masyarakat selaras dengan teras skop Pelan Strategik Kementerian ini.

6. Alhamdulillah, setelah berjaya mengenalkan sistem Que Up bagi Kad Pengenalan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sekarang memperkenalkan sistem Que Up sejak 14 Oktober 2017 di Bahagian Passport. Bagi pelanggan yang membuat tempahan (booking) menggunakan system ini, ianya telah menurunkan masa menunggu daripada 109 minit kepada 13 minit dan bagi pelanggan 'walk in' turun sebanyak 7%. InshaALLAH sistem ini akan dilaratkan bagi bahagian visa, lawatan, diplomatik dan pas kerja pada 1 Februari 2018.
7. Jabatan Buruh pula sedang membuat beberapa penelitian bagi pembaharuan dalam menangani isu Pengarah Asing yang menetap di Negara Brunei Darussalam (Foreign Director Residence). Pada masa ini Jabatan Buruh bersama Agensi-Agensi Kerajaan yang berkepentingan sedang meneliti bagi memperkenalkan Kriteria Menimbang Penerimaan Pas Pekerjaan bagi Pengarah Asing ini. Sekiranya ianya berjalan dengan lancar pelaksanaan pembaharuan ini Inshaa Allah akan bermula pada bulan April 2018.
8. Bagi membantu orang ramai dalam pengambilan pekerja domestik, Jabatan Buruh juga telah membukakan tawaran bagi syarikat-syarikat agensi pekerjaan (employment agency) khasnya bagi kategori A untuk mendapatkan Lisen Beroperasi

sebagai agensi pekerjaan yang berdaftar di Jabatan Buruh. Salah satu syarat utama yang dikenakan ialah harga pengambilan pekerja domestik tidak boleh melebihi BND 1500 setiap seorang. Setakat ini terdapat beberapa buah syarikat telah ikut serta dalam tawaran ini yang mana sedang diteliti oleh Jabatan Buruh. Dengan adanya pembaruan ini, diharapkan ianya akan mengurangkan caj yang dikenakan di Brunei dan diharap akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

9. Ahli – Ahli Yang Berhormat, sekarang Peramba / Kaola / Saya ingin menyentuh aspek sosio ekonomi. Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Agensi-Agensi yang berkepentingan didalam memastikan peningkatan didalam sosio ekonomi Negara ini. Beberapa kemajuan dan peningkatan dapat dilihat terutama sekali dalam meningkatkan tunggakan cukai bangunan. Dimana bagi Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, peningkatan kutipan hasil tunggakan sebanyak 22.9%, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, sebanyak 12% dan Jabatan Bandaran Tutong sebanyak 69.5%. Beberapa usaha-usaha bagi memperkesankan hasil tunggakan termasuk, Perkhidmatan SMS Push Notification, Penetapan Key Performance Indicator (KPI), Penggunaan kaedah konsep

Pareto, Penubuhan Credit Control Unit (CCU) dan Garispanduan Bayaran Ansuran telah dilaksanakan.

10. Diperingkat antarabangsa Bandar Seri Begawan dilaporkan berada ditangga 100 dalam 'global ranking of most livable cities' dan 'Southeast Asia's third most liveable city' selepas Singapura dan Kuala Lumpur. Pencapaian ini adalah berdasarkan kepada Pembangunan infrastruktur.
11. Ahli – Ahli Yang Berhormat, seterusnya Peramba / Kaola / Saya ingin beralih kepada inisiatif program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dimana penubuhan Jawatankuasa Khas Peringkat Kebangsaan 1K1P telahpun mendapat limpah kurnia pekenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Mei 2017. Dalam pada itu, beberapa perjumpaan dan program telah dilaksanakan diantara Kementerian ini dengan Agensi-Agensi yang berkepentingan dalam dan luar negeri agar ianya mencapai hasrat untuk mempertingkatkan pengeluaran rangkaian produk 1K1P supaya produk-produk berkenaan akan *sustainable* dan boleh menembusi pasaran *domestic* dan serantau.

12. Ahli – Ahli Yang Berhormat, Peramba / Kaola / Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkembangan terkini Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam dimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan limpah kurnia perkenan dan seterusnya bagi kesemua Penghulu – Penghulu Mukim dan Ketua –Ketua Kampung untuk diserapkan ke Skim tersebut bermula pada 23hb Disember 2017 dengan syarat-syarat yang tertentu.
  
13. Dengan pelaksanaan Skim yang baharu ini, ianya sebagai tanda pengiktirafan kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai kepimpinan di peringkat akar umbi dengan lebih berkesan dan efektif. Ini setentunya akan membantu mempertingkatkan lagi peranan, tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan tujuan dan matlamat untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi martabat, kewibawaan, kualiti kepimpinan dan keberkesanan institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memeduli rakyat dan penduduk di negara ini dan mengukuhkan teras kepimpinan di peringkat akar umbi bagi mendokong sistem kepimpinan Beraja selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.



14. Dalam pada itu, sebagai usaha jangka sederhana bagi menyediakan tenaga pelapis, Kementerian dengan kerjasama *Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA)*, Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat atau dikenali sebagai bengkel '**talent pool**' selama tiga (3) bulan mengikut fasa. Pada peringkat permulaan, seramai **33 orang** dari kalangan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seluruh negara yang terpilih telahpun mengikuti bengkel 'talent pool' tersebut. Bengkel ini antaranya untuk memberikan kemahiran kepimpinan di samping menilai potensi mereka bagi digilap dan seterusnya diketengahkan sebagai calon-calon yang berpotensi bagi jawatan Ketua Kampung tertakluk kepada kesesuaiannya
  
15. Ahli – Ahli Yang Berhormat, bagi memberikan laluan kepada Yang Mulia Setiausaha Tetap untuk menyampaikan taklimat ringkas berkenaan kemajuan dan perancangan yang lebih menyeluruh mengenai Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya, peramba/ Kaola/ saya akhiri dengan menaruh harapan semoga kita semua akan dapat memanfaatkan sesi muzakarah ini untuk sama-sama bertukar – tukar fikiran dan pandangan dalam mengatasi isu – isu semasa dan merancang perkara-perkara yang akan dapat meningkatkan lagi kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di Negara ini.

Sekian, terima kasih.

بو بالله التوفيق و الهداية  
والسلام عليكم و رحمة الله و بركاته